

## Perubahan Pentaksiran Dalam SPN21 Di Negara Brunei Darussalam

**Hjh Norwati Hj Abu Bakar, Mohd Isa Hamzah & Ab. Halim Tamuri**  
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 Selangor, Malaysia  
*hjhnorwati@gmail.com*

### ABSTRAK

Kementerian Pendidikan telah membuat perubahan terhadap sistem pendidikan di negara Brunei Darussalam, salah satu perubahan utama yang berlaku ialah perubahan dalam pentaksiran. Pentaksiran baru ini dikenali dengan *SBAfL*. Pelaksanaan *SBAfL* adalah untuk penambahbaikan terhadap pentaksiran yang sedia ada bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Oleh yang demikian, untuk mendapatkan gambaran dan maklumat yang lebih jelas dan tepat mengenai gaya pengajaran guru-guru pendidikan Islam dengan adanya perubahan pentaksiran yang baru ini, satu kajian yang lebih lanjut dan mendalam akan dijalankan. Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian fenomenologi untuk membantu pengkaji meneroka gaya pengajaran yang diamalkan oleh guru-guru pendidikan Islam dan mengenal pasti sejauh mana perubahan sistem pentaksiran mempengaruhi gaya pengajaran guru di bilik darjah. Kajian akan melibatkan lapan orang guru pendidikan Islam yang telah mengikuti Program Perkembangan Profesional dalam *SBAfL* dan mengajar tahun 7 dan tahun lapan. Diharap perubahan yang berlaku ini akan menjadikan guru-guru pendidikan Islam lebih proaktif dalam pelbagai kemahiran, meningkatkan gaya pengajaran dan melaksanakan gaya pengajaran yang lebih efektif demi merealisasikan hasrat Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21.

### PENDAHULUAN

Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21) telah diperkenalkan bagi meningkatkan kecemerlangan bidang pendidikan di negara Brunei Darussalam. Pelaksanaan SPN21 yang telah bermula pada tahun 2009 bertujuan menyediakan pelajar dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran abad ke 21, di samping membekalkan mereka dengan nilai-nilai dan sikap-sikap melalui pendidikan Islam dan konsep Melayu Islam Beraja, bagi memenuhi keperluan dan tuntutan zaman yang berubah (Jabatan Perkembangan Kurikulum 2009). Tiga perubahan utama terhadap (i) struktur sistem pendidikan (ii) kurikulum dan pentaksiran dan (iii) pendidikan teknikal telah dilaksanakan untuk memastikan sistem pendidikan kekal, relevan dan berkualiti tinggi (Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21).

Pelaksanaan perubahan pentaksiran adalah menjadi salah satu agenda utama dalam perubahan sistem pendidikan di negara Brunei Darussalam, sebagai penambahbaikan terhadap pentaksiran pelajar yang sedia ada. Oleh itu, kertas kerja ini memberi tumpuan kepada perubahan pentaksiran dalam SPN21 di negara Brunei Darussalam. Perubahan pentaksiran telah dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah dan menengah mulai tahun 2008 terhadap pentaksiran berbentuk formatif dan sumatif. Tumpuan diberikan kepada pentaksiran rujukan norma kepada pentaksiran rujukan kriteria sebagai usaha memberi penekanan kepada penguasaan pengetahuan dan kemahiran bagi melahirkan murid seimbang dalam pelbagai aspek.

## **PERUBAHAN PENTAKSIRAN DALAM SPN21**

Dalam usaha untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran abad ke-21 dan meningkatkan pencapaian pelajar serta meningkatkan pengajaran guru, Kementerian Pendidikan telah membuat perubahan sistem pentaksiran dalam SPN21. Sebelum ini, pentaksiran akademik pelajar dinilai melalui ujian dan peperiksaan sahaja, tetapi dalam SPN21 guru-guru telah didedahkan dengan sistem pentaksiran yang baru, iaitu Pentaksiran Kemajuan Pelajar (*School Progress Assessment - SPA*) yang mengandungi dua komponen, iaitu Pentaksiran Kendalian Sekolah (*School Based Assessment – SBA*) dan Peperiksaan Kemajuan Pelajar (*School Progress Examination – SPE*).

Walaupun adanya perubahan dalam sistem pentaksiran, namun pelaksanaannya menimbulkan beberapa isu, antaranya: berlakunya amalan pentaksiran sumatif yang berkepentingan tinggi dan berlebihan; tidak berlaku maklum balas secara formatif terhadap pencapaian pelajar dan pengajaran di bilik darjah, lebih berorientasikan peperiksaan bagi persediaan peperiksaan akhir tahun. Pentaksiran yang terlalu bergantung kepada ujian bertulis ini telah menyebabkan kemahiran pelajar terhad, iaitu tertumpu pada kemahiran hafalan sahaja (*School Based Assessment for Learning Brunei Darussalam, 2011*). Hal tersebut tidak sejajar dengan tujuan yang dikehendaki dalam perubahan pentaksiran, iaitu menekankan penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran-kemahiran yang dikehendaki dalam SPN21.

Bagi meningkatkan dan memantapkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah menengah, maka pihak Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan ‘Pentaksiran Kendalian Sekolah untuk Pembelajaran atau lebih dikenali dalam kalangan guru-guru sebagai “*SBAfL*” (*School Based Assessment for Learning*) (selepas ini akan terus disebut *SBAfL*) sebagai tambahan kepada sistem pentaksiran yang sedia ada. *SBAfL* adalah gabungan daripada dua elemen yang mempunyai perkaitan yang sangat erat, iaitu Pentaksiran Kendalian Sekolah (*School Based Assessment- SBA*) dan Pentaksiran untuk Pembelajaran (*Assessment for Learning- AfL*). Perkara ini jelas dilihat dari segi definisi dan tujuan bagi kedua-dua elemen tersebut yang tidak jauh berbeza. Kedua-dua elemen ini disatukan untuk mewujudkan satu pentaksiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif dan berdaya saing.

*SBA* adalah pentaksiran yang terkandung di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pelbagai kriteria boleh membezakan dengan bentuk penilaian dan pengujian lainnya, antaranya adalah seperti berikut :

- i. Penyertaan guru dari awal hingga akhir proses pengajaran dan pembelajaran;
- ii. Pengumpulan data dan maklumat pelajar tentang pencapaian pembelajarannya dalam masa yang ditetapkan;
- iii. Sebarang adaptasi dan perubahan boleh dilakukan guru selaras dengan matlamat pengajaran dan pembelajaran yang akan dicapai;
- iv. Pentaksiran dilaksanakan dalam bilik darjah dan dinilai oleh guru dan pelajar berkenaan;
- v. Memerlukan penglibatan aktif pelajar dalam proses pentaksiran terutama jika menggunakan pentaksiran kendiri dan rakan sebaya sebagai asas penilaian;
- vi. Guru boleh memberikan maklum balas dan respons segera dan konstruktif kepada pelajar yang dinilai; dan
- vii. Merangsang pentaksiran berterusan dan pengubahsuaian terhadap program pengajaran dan pembelajaran (The Hong Kong Examinations and Assessment Authority (HKEAA) 2007).

Ringkasnya, *SBA* adalah pentaksiran yang dikendalikan oleh sekolah dan guru secara berterusan dan ia mempunyai kualiti bagi mengetahui pencapaian hasil pembelajaran. Selain itu, melalui pentaksiran ini, guru dapat merancang pengajaran yang lebih berkesan. Oleh itu, guru hendaklah sensitif dan konstruktif dalam memberi maklum balas dan laporan terperinci terhadap pencapaian pelajar yang sekali gus dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar (Jabatan Perkembangan Kurikulum 2009).

*AfL* pula merujuk kepada proses untuk memperoleh dan mentafsir maklumat bagi kegunaan pelajar. Di samping itu juga berguna bagi guru untuk membuat keputusan tentang arah tuju pelajar dalam pembelajaran mereka, memberi arah tuju yang perlu untuk pelajar dan sejauh mana arah tuju mereka itu dicapai (Assessment Reform Group 2002). Aktiviti pentaksiran ini boleh membantu meningkatkan pembelajaran pelajar jika ia disertakan dengan maklumat yang membolehkan guru dan rakan sebaya memberi maklum balas sebagai penilaian ke atas diri mereka (Black, Harrison, Lee, Marshall dan Wiliam, 2004). Dalam erti kata lain, tujuan utama pentaksiran ini adalah untuk meningkatkan pencapaian pelajar dan membaiki proses pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan definisi-definisi di atas jelas menunjukkan bahawa *SBA* dan *AfL* tidak jauh berbeza. Tujuan kedua-dua pentaksiran ini adalah untuk meningkatkan prestasi pelajar dan untuk membantu guru memperbaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran serta membolehkan guru menyediakan aktiviti pengajaran yang lebih berkesan. Daripada persamaan ini, kedua-dua elemen tersebut disatukan menjadi *SBAfL*. Sebagaimana yang dinyatakan di dalam buku *School Based Assessment for Learning Brunei Darussalam*, (2011 hal. 7) “*In Brunei we have deliberately and systematically integrated SBA with AfL, as our prime purpose is not simply to change assessment practices but to maximize the use of assessment to improve learning and teaching*”.

## PENTAKSIRAN KENDALIAN SEKOLAH UNTUK PEMBELAJARAN (*SBAfL*)

Pelaksanaan *SBAfL* merupakan salah satu perubahan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan sebagai penambahbaikan kepada pentaksiran yang telah sedia ada demi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. *SBAfL* diimplementasikan seiring dengan program transformasi sistem pendidikan di negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah yang bertujuan untuk memperbaiki pencapaian pendidikan dan juga perkembangan individu secara holistik. Perubahan pentaksiran dalam SPN21 adalah bertujuan untuk mencapai inisiatif pelan strategik Kementerian Pendidikan dan pendidikan berkualiti termasuk kemahiran-kemahiran bagi pelajar, pendidikan sepanjang hayat dan juga nilai-nilai pendidikan yang sejajar dengan keperluan dan kehendak abad ke-21 (Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21).

*SBAfL* termasuk dalam komponen pentaksiran kendalian sekolah (*SBA*) dan telah dilaksanakan pada tahun 2011 bagi pelajar-pelajar peringkat menengah dan lebih ditekankan pelaksanaannya bagi pelajar-pelajar tahun 7 dan tahun 8, dengan tujuan supaya berlakunya peningkatan pengajaran dan pembelajaran dalam mata-mata pelajaran teras termasuk mata pelajaran pendidikan Islam. Dalam *SBAfL*, pentaksiran disepadukan atau diintegrasikan dengan pengajaran dan pembelajaran, membolehkan pelajar untuk menilai diri dan melihat sendiri sejauh mana mereka telah berkembang dalam mata pelajaran mereka (School Based Assessment for Learning Brunei Darussalam, 2011). Selain itu, pengintegrasian pentaksiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga bertujuan untuk meningkatkan pengajaran (Allal dan Ducrey 2008).

Dengan adanya pentaksiran baru ini, sama ada yang bersifat formatif atau sumatif, pihak sekolah dan para guru diberi autonomi untuk mengendalikan pentaksiran berterusan yang berkualiti bagi mengetahui pencapaian hasil pembelajaran. Pentaksiran ini bukanlah untuk membandingkan pencapaian antara pelajar tetapi mendapatkan maklumat secara menyeluruh mengenai prestasi dan kemajuan pembelajaran. Kejayaan pelajar diukur berdasarkan kriteria dan standard yang harus dicapai dalam tahap pembelajaran yang ditetapkan oleh guru. Berdasarkan dokumen dalam SPN21, pentaksiran ini juga menekankan pembelajaran berpusatkan pelajar, yang mana pelajar dilibatkan secara aktif sama ada secara individu maupun dalam kumpulan.

Bagi menjayakan pembelajaran berpusatkan pelajar ini, teknik pengajaran guru hendaklah berorientasikan aktiviti. Selain itu, pihak sekolah dan para guru disarankan untuk mengutamakan proses pembelajaran dan mengurangkan pengajaran yang berorientasikan peperiksaan (Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21). Menurut Tan (2010) dalam memastikan perubahan pendidikan yang dilaksanakan mencapai matlamatnya, penglibatan seluruh warga pendidik adalah perlu melibatkan diri kerana perubahan ini memberikan impak kepada situasi pengajaran dan pembelajaran, situasi persekitaran bilik darjah, selain peranan guru dan pelajar.

Dalam SPN21, guru berperanan sebagai pemudah cara dalam menyampaikan fakta dan maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran mereka (Jabatan Perkembangan Kurikulum, 2009). Pentaksiran ini akan dapat memberi maklumat kepada guru tentang keberkesan pengajarannya dan bagi pihak pelajar pula, mereka akan mengetahui tahap kebolehan serta pencapaiannya (Jabatan Perkembangan Kurikulum, 2009). “*In SBAfL the primary purpose of all assessment is to improve teaching and learning.....*”, (School Based Assessment for Learning Brunei Darussalam 2011). Hal ini bermakna tujuan utama perubahan dalam pentaksiran ini adalah untuk memastikan berlakunya peningkatan dalam pengajaran guru dan pembelajaran pelajar. Menurut Allal dan Ducrey (2008) tujuan utama pentaksiran adalah untuk menentukan bagaimana pelajar yang berbeza bertindak balas kepada pengajaran guru, bagaimana proses pengajaran yang berbeza meningkatkan pembelajaran dan untuk memastikan berlakunya pembezaan kegiatan pengajaran.

Oleh sebab itu, tujuan utama *SBAfL* adalah untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bagi mencapai tujuan dan objektif pengajaran dalam pelajaran yang diajarkan di sekolah. Berdasarkan buku panduan *SBAfL*, kebaikan yang boleh diperoleh oleh guru-guru dari *SBAfL* ialah: guru boleh memastikan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti dan berkesan; guru boleh menyediakan sasaran yang ditetapkan untuk dicapai pelajar; guru mampu untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang kemajuan pelajar dan seterusnya mentadbir program pemulihan dan intervensi yang sesuai; guru boleh mendapatkan data yang berguna untuk membuat refleksi metodologi pengajaran mereka; guru boleh memberikan aktiviti dan tugas-tugas yang berbeza-beza yang dibina ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran; kejelasan keseluruhan proses pengajaran dan pembelajaran membolehkan perbincangan dua hala antara guru dan pelajar (School Based Assessment for Learning Brunei Darussalam 2011).

Selain daripada itu *SBAfL* juga memberi faedah dan kebaikan kepada pelajar, di antaranya: kriteria dikongsi bersama dengan pelajar-pelajar, supaya mereka tahu apa yang mereka perlu lakukan untuk berjaya dalam setiap tugas pentaksiran; *SBAfL* menganggap semua orang boleh berjaya dan pelajar tahu bahawa guru-guru mereka adalah membantu semua orang di dalam kelas untuk belajar dan mencapai kejayaan dalam pembelajaran; sifat dan masa tugas itu adalah sebahagian daripada pengajaran dan pembelajaran, oleh itu pelajar dapat melaksanakan berdasarkan potensi mereka.; guru-guru dan rakan-rakan memberi maklum balas yang berkualiti tinggi

sepanjang masa, jadi pelajar tahu di mana mereka berada, di mana kelemahan mereka, dan apa yang mereka perlu lakukan untuk mencapai kejayaan; guru melatih pelajar sendiri menilai supaya boleh menjadi pemacu ke arah pembelajaran mereka sendiri; terdapat pelbagai tugas pentaksiran, jadi pelajar membangunkan pelbagai kemahiran yang tidak dapat diperoleh melalui peperiksaan bertulis (School Based Assessment for Learning Brunei Darussalam, 2011).

*SBAfL* juga merupakan salah satu bentuk kaedah pentaksiran mewakili perubahan paradigma yang besar dalam pendidikan di negara Brunei, yang menyeru kepada perubahan ketara terhadap sikap dan minda berhubung dengan pengajaran dan pentaksiran. Dengan adanya *SBAfL*, pencapaian pelajar dalam menguasai pembelajaran tidak hanya dinilai melalui peperiksaan akhir tahun dan berpusat. Bahkan pentaksiran dilaksanakan secara berterusan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Perubahan yang berlaku adalah dari bergantung pada menghafal, ujian dan peperiksaan untuk mengukur kemajuan pelajar kepada satu sistem di mana pelajar sendiri adalah rakan kongsi aktif dalam pembelajaran dan proses pentaksiran memberi faedah daripada maklum balas yang berkualiti tinggi dan sokongan pembelajaran berterusan.

Pendekatan pedagogi dalam perubahan SPN21 menghendaki proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah berpusatkan pelajar, pelajar perlu dilibatkan secara aktif sama ada secara individu maupun secara berkumpulan. Peranan guru adalah menjadi pemudah cara dalam menyampaikan fakta dan maklumat dalam pembelajaran pelajar. Perubahan dalam pentaksiran (*SBAfL*), menghendaki pentaksiran bersepada dengan pengajaran dan pembelajaran, membenarkan pelajar untuk menilai diri dan melihat diri mereka terhadap pencapaian pembelajaran mereka. Pelbagai cara pentaksiran sepanjang tahun akan digunakan oleh guru-guru.

Pendekatan pentaksiran ini juga dipanggil "*an assessment culture*" (wolf et.al., 1991 kleinasser et.al, 1993 dalam Dochy, 2001) yang mengandungi beberapa kriteria, iaitu: penekanan terhadap integrasi pentaksiran dan pengajaran; pelajar menjadi peserta aktif yang berkongsi tanggungjawab dalam proses, amalan penilaian kendiri, refleksi dan kerjasama dan menjalankan dialog secara berterusan dengan guru; pelajar mengambil bahagian dalam pembangunan kriteria dan piawaian untuk menilai prestasi; biasanya tidak ada tekanan masa, dan pelbagai alat yang digunakan dalam kehidupan sebenar untuk melaksanakan tugas-tugas yang serupa yang dibenarkan; tugasan sering menarik, bermakna, tulen, mencabar dan melibatkan penyelidikan pelbagai jenis. Jelas di sini bahawa pentaksiran mempunyai hubung kait dan kesan terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Secara ringkasnya, rasional pelaksanaan *SBAfL* adalah untuk meningkatkan pencapaian pelajar; meningkatkan tanggungjawab untuk pembelajaran mereka sendiri; menyediakan pelajar dengan kemahiran abad ke-21 yang didukung dalam SPN21; mengukuhkan kehendak sukanan pelajaran; menyediakan pentaksiran yang dipercayai dan sah tentang pencapaian pelajar dan meningkatkan kepakaran guru dalam pengajaran dan pentaksiran (School Based Assessment for Learning Brunei Darussalam, 2011). Pelaksanaan *SBAfL* diharapkan akan dapat melahirkan pelajar dan masyarakat yang berkemahiran (*21st century skills*), kreatif dan inovatif, berdikari, mempunyai pemikiran yang kritis, orientasi kepada tujuan dan dinamik.

## **PENTAKSIRAN KENDALIAN SEKOLAH UNTUK PEMBELAJARAN (SBAfL) DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM**

Pada peringkat permulaan, *SBAfL* dilaksanakan bagi mata pelajaran teras iaitu; Pengetahuan Ugama Islam (Pendidikan Islam), Melayu Islam Beraja, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains. *SBAfL* meliputi aktiviti dan strategi yang digunakan untuk pentaksiran dan merupakan sebahagian daripada amalan harian guru-guru setiap hari, contoh; soalan strategik, masa menunggu, pemerhatian tidak formal terhadap setiap pelajar. Ini adalah pentaksiran yang tidak formal dan harus menjadi sebahagian daripada amalan dalam pengajaran guru-guru. Adalah penting bagi guru dan sekolah untuk memahami bahawa *SBAfL* bukan sahaja penting dalam amalan, tetapi lebih penting lagi, perubahan dalam falsafah dan budaya pembelajaran (School Based Assessment for Learning Brunei Darussalam, 2011).

Oleh sebab itu *SBAfL* berfungsi untuk menggalakkan perubahan dalam falsafah pentaksiran berasaskan sekolah, di mana pelajar juga memainkan peranan utama dalam pembelajaran mereka. Dalam *SBAfL* taksiran perlu disepadukan dengan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. *SBAfL* menyediakan guru pendidikan Islam dan pelajar dengan maklumat kualitatif tentang bagaimana pelajar menguasai pembelajaran mereka. Melalui *SBAfL*, guru pendidikan Islam dan pelajar dapat mengetahui kekuatan dan kelemahan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan itu, ia membolehkan guru menyesuaikan aktiviti pemulihan atau pengayaan berdasarkan keperluan pelajar (Zainal t.th). Oleh yang demikian, guru pendidikan Islam boleh memberikan gambaran lengkap mengenai kemajuan pembelajaran pelajar.

Seperti yang sedia maklum, tujuan *SBAfL* adalah untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran, jadi terdapat penekanan yang sangat tinggi kepada pentaksiran formatif. Guru pendidikan Islam perlu menjelaskan kepada pelajar dengan jelas terhadap elemen kerja mereka yang akan dinilai secara rasmi berdasarkan rubrik yang disediakan oleh guru. Semua pembelajaran dan pentaksiran formatif boleh mengambil tempat di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah. Guru pendidikan Islam akan mempunyai peluang untuk membantu pelajar meningkatkan pencapaian mereka dengan menggunakan pelbagai strategi, seperti mendorong untuk membantu pelajar ke arah pencapaian yang terbaik. Di sini pelajar disediakan dengan aktiviti yang berkepentingan rendah kerana mereka tidak digredkan untuk tujuan sumatif (School Based Assessment for Learning Brunei Darussalam, 2011).

Hal ini jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan *SBAfL* memberi peluang kepada guru pendidikan Islam untuk membantu pelajar meningkatkan pencapaian mereka dengan cara mereka bentuk tugas-tugas pentaksiran formal mengikut keperluan pelajar mereka. Pentaksiran itu juga boleh menampung pelbagai pelajar dalam sebuah kelas kerana terdapat kemahiran yang tidak boleh dinilai dengan mudah melalui ujian bertulis konvensional. Guru pendidikan Islam boleh menggunakan pelbagai mod pentaksiran sepanjang tahun, seperti projek-projek, tugas lisan, persembahan drama dan persembahan PowerPoint.

Selain itu, pelajar boleh menilai kemajuan pembelajaran mereka sendiri (*self-assessment*) melalui sistem yang membolehkan mereka untuk belajar melalui percubaan dan kesilapan; ketulusan dan maklum balas yang berterusan daripada rakan-rakan (*peer assessment*) dan guru-guru. Guru juga perlu menjelaskan tentang objektif pengajaran yang hendak dicapai dan menjelaskan kriteria untuk pelajar memperoleh kejayaan.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kemahiran pelajar akan dapat dikembangkan melalui aktiviti penilaian kendiri dan penilaian rakan sebaya. Penilaian kendiri merupakan kunci utama bagi proses pembelajaran aktif, manakala melalui penilaian rakan sebaya memberi potensi untuk membantu pelajar menguasai konsep dan kemahiran yang dipelajari dalam pelajaran mereka (Mundia 2010). Sehubungan itu guru perlu menyediakan persekitaran yang membolehkan pelajar membuat refleksi ke atas pembelajaran mereka sendiri dan membuat penilaian ke atas rakan mereka. Strategi ini akan memberikan maklum balas kepada guru tentang tahap pengajaran dan pencapaian pelajar mereka (School Based Assessment for Learning Brunei Darussalam, 2011).

## OBJEKTIF KAJIAN

Pada keseluruhannya kajian ini bertujuan untuk meneroka perubahan gaya pengajaran guru-guru disebabkan oleh perubahan pentaksiran dalam pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam dengan objektif kajian berikut:

- i. Meneroka gaya pengajaran guru-guru pendidikan Islam apabila *SBAfL* diimplementasikan dalam sistem pendidikan sekolah.
- ii. Mengenal pasti sejauh mana gaya pengajaran guru pendidikan Islam dipengaruhi oleh perubahan dalam sistem pentaksiran.

## PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif, kajian ini ingin mencari jawapan terhadap persoalan berikut:

- i. Bagaimana gaya pengajaran yang diamalkan guru Pendidikan Islam apabila *SBAfL* diimplementasikan dalam sistem pendidikan sekolah?
- ii. Adakah gaya pengajaran guru Pendidikan Islam dipengaruhi oleh perubahan dalam sistem pentaksiran?

## METODOLOGI

Pelaksanaan penyelidikan ini akan menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian fenomenologi. Reka bentuk fenomenologi sesuai bagi kaedah kualitatif ini kerana pengalaman guru adalah fenomena yang menggambarkan kefahaman yang diperoleh dalam kehidupan mereka, yang sukar untuk dilihat, diukur dan dikira (Byrne 2001). Pemilihan penyelidikan fenomenologi ini membantu pengkaji untuk meneroka gaya pengajaran yang diamalkan oleh guru pendidikan Islam. Seterusnya mengenal pasti sejauh mana perubahan sistem pentaksiran mempengaruhi gaya pengajaran guru pendidikan Islam. Data tentang pengalaman yang dilalui guru-guru dikumpul melalui temu bual, pemerhatian dan bukti dokumen. Tiga sumber data yang disediakan bagi memastikan kesahihan dengan mengumpul data daripada lebih daripada satu sumber (Creswell 2005). Dalam kajian ini pemilihan peserta kajian dilakukan secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan dengan menentukan beberapa kriteria yang ditentukan oleh pengkaji (Merriam 1998). Dengan menggunakan kajian fenomenologi, penyelidik perlu memastikan setiap peserta kajian telah mengalami fenomena yang berkaitan dengan kajian (Moustakas 1994; Creswell 1998). Dalam kajian ini akan melibatkan guru-guru yang mengajar mata pelajaran pengetahuan Agama Islam di sekolah menengah kerajaan sahaja. Peserta yang terlibat dalam kajian ini seramai tujuh orang. Pemilihan terhadap guru tersebut berdasarkan pengetahuan mereka terhadap pentaksiran dalam SPN21 (*SBAfL*) kerana mereka ini telah diberi pendedahan kepada sistem pentaksiran baru ini melalui

bengkel Program Perkembangan Profesional dalam *SBAfL* yang telah diberikan oleh kementerian pendidikan, yang diharapkan cukup untuk menyediakan data yang bermakna yang boleh dianalisis. Satu lagi keperluan penting peserta dalam kajian ini sedang mengajar sama ada Tahun Tujuh atau Tahun Lapan. Pemilihan ini adalah disebabkan pelaksanaan *SBAfL* diberi penekanan kepada pelajar-pelajar dalam peringkat ini.

## **PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

*SBAfL* kini menjadi sebahagian daripada strategi pengajaran bukannya tugas tambahan. Pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran tidak boleh dipisahkan dan tidak boleh dilihat atau diguna secara berasingan atau bersendirian. Hal ini juga dijelaskan oleh Dochy (2001), bahawa matlamat utama pendidikan akademik adalah untuk menjadikan pelajar yang mempunyai pengetahuan dalam domain tertentu. Bagi mencapai matlamat tersebut perlu kepada pembangunan persekitaran pembelajaran yang lebih kuat yang merangkumi kedua-dua pengajaran dan pentaksiran. Pentaksiran adalah sebahagian dari proses dan alat yang berkesan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Sebagaimana juga kenyataan Popham (2008) bahawa pentaksiran di bilik darjah adalah penting kerana pada asasnya boleh mengubah cara guru mengajar. Hal ini juga disokong oleh Paige dan Witty (2008) yang menjelaskan bahawa guru menggunakan pentaksiran untuk menentukan maklumat, kemahiran dan sikap yang diperlukan pelajar-pelajar mereka sebagai asas untuk perubahan pengajaran.

Pelaksanaan *SBAfL* merupakan perubahan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan untuk penambahbaikan terhadap pentaksiran yang sedia ada bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Oleh yang demikian, untuk mendapatkan gambaran dan maklumat yang lebih jelas dan tepat mengenai gaya pengajaran guru-guru dengan adanya perubahan pentaksiran yang baru ini, khususnya dalam mata pelajaran pendidikan Islam, wajarlah satu kajian yang lebih lanjut dan mendalam dijalankan, untuk mengenal pasti sama ada perubahan sistem pentaksiran yang baru ini membawa perubahan kepada gaya pengajaran guru-guru pendidikan Islam atau sebaliknya. Sebagaimana yang dinyatakan dalam buku SPN21 yang menghendaki proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah perlu berpusatkan pelajar, pelajar dilibatkan secara aktif sama ada secara individu maupun dalam kumpulan, peranan guru sebagai pemudah cara dalam menyampaikan fakta dan maklumat dalam pembelajaran pelajar dan penggunaan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran serta strategi penyampaian. Manakala dari segi amalan pentaksiran perlu lebih bersifat formatif.

Cuban (2007) berpendapat kajian tentang kesan pentaksiran terhadap gaya pengajaran guru perlu dilakukan. Menurut Cuban (2007) keimbangan umum tentang kesan-kesan ujian adalah bahawa ia membentuk semula pengajaran guru di dalam kelas. Tetapi tuntutan itu tidak melihat bukti struktur kelas yang lebih mendalam, sama ada berlaku amalan gaya pengajaran yang berpusatkan guru atau gaya pengajaran yang berpusatkan pelajar atau campuran berpusatkan guru dan amalan berpusatkan pelajar. Begitu juga dengan Pellegrino dan et.al (2008) yang mencadangkan supaya kajian dijalankan terhadap bentuk pentaksiran yang baru iaitu tentang bagaimana pentaksiran tersebut memberi kesan kepada amalan pengajaran guru, pembelajaran pelajar dan dalam membuat keputusan pendidikan.

Hasil kajian ini nanti mampu menggambarkan fenomena amalan gaya pengajaran yang dilaksanakan oleh guru pendidikan Islam dalam pengajaran pendidikan Islam yang wujud di sekolah masa ini. Data-data yang diperoleh boleh dijadikan panduan untuk merancang kaedah, strategi

pengajaran dan pentaksiran yang lebih baik dan berkesan demi menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih baik kepada pelajar. Di samping itu dapatkan kajian ini juga dapat memberi input kepada pihak Kementerian Hal Ehwal Agama, khususnya Jabatan pengajian Islam dan Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan untuk merancang dan mereka bentuk program latihan professional guru pendidikan Islam bagi mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah khususnya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

## RUJUKAN

- Allal.L & Ducrey.G.P. 2008. Assessment of-or-in the Zone of Proximal Development. Dalam Harlen.W (Editor). 2008. *Student Assessment and Testing*. Vol.1. London. Sage Publication.
- Assessment Reform Group. 2002. Assessment for Learning: 10 Principles. <http://www.assessment-reform group.org.uk>.
- Black, P. Harrison, C, Lee, C, Marshal, B, & Willam, D. 2004. *Working inside the black box: Assessment for learning in the classroom*. Phi Delta Kappa, 86 (1), 8 – 21. Dalam Richard I, Arends and Ann Kilcher, 2010. *Teaching for student learning*. New York. Routledge.
- Bryne, M.M. 2001. Understanding life experiences through a phenomenological approach to research. *AORN Journal*, 73(4), 830-832. *Pro Quest Education Journal database*.
- Creswell, J.W. 1998. *Qualitative research desing; choosing between five traditions*. Thousand Oaks, C.A: Sage.
- Creswell, J.W. 2005. *Educational research: Planning, Conducting and evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Cuban .L .2007. Hugging the Middle Teaching in an Era of Testing and Accountability, 1980 2005. Education Policy Analysis Arcchives. *A Peer-reviewed Scholary Journal Vol. 15. 1*.
- Dochy, 2001 : A New Assessment Era: Different Needs, New challenges. Research Dialogue in Learning and Instruction.
- Hongkong Assessment and Examination Authority (HKEAA). <http://ww.hkeaa.edu/en/SBA>
- Jabatan Perkembangan kurikulum. 2009. *Sistem Pendidikan Negara Brunei Abad ke-21 (SPN21)*. Bandar Seri Begawan, Kementerian Pendidikan.
- Merriam, S.B. 1998. *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco, CA: Josey-Bass.
- Moustakas. C. 1994. *Phenomenological Research Methods*. California. Sage Publications. Thousand Oaks.
- Mundia.L. 2010. Implementation of SPN21 Curriculum in Brunei Darussalam: A Review of Selected Implications on School Assessment Reform. *International Education Studies*. Vol.2.No.2. [www.ccsenet.org/ies](http://www.ccsenet.org/ies).
- Paige. R.R & Witty. E. P. 2008. *Assessment as instructional Support: Policies and Practices*. Dalam C.A. Dwyer (Ed). 2008. *The future of assessment: shaping teaching and learning* (pp. 215- 228). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Pelligrino.J.W; Chudowsky.N & Glasser.R. 2008. Knoowing *What Students Knoow: The Science and Design of Educational Assessment*. Dalam Harlen.W (Editor). 2008. *Student Assessment and Testing*.Vol.1. London. Sage Publication.
- Popham W.J. 2008. *Transformative Assessment*. Alexandria, VA : Association for supervision and curriculum Development.
- School Based Assessment for Learning Brunei Darussalam, 2001: *SBAfL Guidebook for years 7 and 8 Core Subjects*. Brunei Darussalam. Curriculum Development Department, Ministry of Education.

- Tan Huat Tian, 2010. *Peranan Pengetua Sebagai Fasilitator Perubahan dalam Mengurus Integrasi ICT Sebagai Inovasi Pendidikan.* Tesis Dr. Falasafah. Universiti Sains Malaysia.
- Zainal Ariffin. T.th. *Pengukuran dan Penilaian dalam Pendidikan Meningkatkan Latihan Akademik.* Kuala Lumpur. SAM Synergy Media Sendirian Berhad.